

27 APR 2003

Sukan-Atlet (Fokus Berita)

STATUS NEGARA SUKAN: M'SIA PERLU LAHIR RAMAI ATLET KONSISTEN

Oleh: Nor Baizura Basri

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Mampukah Malaysia mencapai status sebagai negara sukan? Inilah persoalan yang mungkin sering bermain di fikiran para pemimpin negara, pertubuhan sukan, atlet dan peminat sukan tanahair.

Walaupun kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelihatan serius untuk memajukan bidang sukan dengan peruntukan besar bagi menyediakan kemudahan dan mempromosikan acara sukan bertaraf dunia di negara ini, namun adakah perbelanjaan yang dicurahkan itu memberikan hasil yang berbaloi?

Adakah pemberian insentif yang lumayan kepada para atlet cemerlang negara selama ini juga mampu melahirkan kumpulan atlet bertaraf dunia yang mampu meletakkan nama Malaysia sebagai sebuah negara yang disegani di persada sukan antarabangsa?

Pengkritik sukan tanahair dan penerima anugerah khas Pena Emas Persatuan Penulis-penulis Sukan Malaysia (SAM) tahun ini, Profesor Emeritus Datuk Dr Khoo Kay Kim, ketika diajukan soalan-soalan ini mengakui bahawa Malaysia belum mampu menjadi negara sukan kerana masih belum melahirkan ramai atlet bertaraf antarabangsa yang konsisten.

Beliau berkata bukan tiada atlet yang menyerlah untuk diketengahkan tetapi mereka kurang memiliki semangat kesukanan yang tinggi serta mutu persembahan yang hambar.

"Dalam sesetengah sukan, ya, kita ada atlet yang berpotensi tetapi untuk capai tahap sebagai atlet antarabangsa, mereka perlu lebih konsisten," katanya kepada Bernama ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Beliau berpendapat atlet yang paling konsisten dalam persada sukan tanah air sekarang ialah Shalin Zulkifli dalam acara tenpin boling.

"Mungkin sebab beliau lama menduduki tempat di peringkat antarabangsa dan banyak memenangi anugerah dan pertandingan membuatkan beliau mempunyai pengalaman dalam menyaingi saingan yang lebih kuat," katanya.

Pada 26 Mac lepas, Shalin Zulkifli mencipta sejarah apabila dipilih buat kali kelima sebagai Olahragawati Kebangsaan 2002 di majlis Anugerah Sukan Negara.

Kali pertama beliau memenangi anugerah itu ialah pada 1994 diikuti 1996, 1997 dan 2001.

Shalin dipilih berdasarkan kejayaannya meraih emas acara boling masters dalam Sukan Asia di Busan, Korea Selatan, tahun lepas.

Selain itu, beliau turut memainkan peranan penting dalam kejayaan kontinjen negara muncul sebagai juara dunia berpasukan di Kejohanan Tenpin Boling Dunia Berpasukan di Odense, Denmark, Feb lepas.

Khoo berkata kejayaan Shalin itu seharusnya dijadikan contoh bagi golongan muda yang ingin bergiat aktif dalam sukan sebagai usaha berterusan dalam memajukan sukan.

Beliau berkata budaya sukan sekarang yang mementingkan ganjaran tidak seharusnya berlaku dan atlet perlu bijak dalam meletakkan sasaran agar tidak hanya cemerlang buat seketika sahaja.

"Masa saya aktif dalam sukan, satu sen pun tak dapat dari persatuan atau sekolah, itulah masalahnya. Tapi pasukan kami masih boleh berjaya sehingga ke pertandingan peringkat kebangsaan," kata Khoo.

Beliau berkata segelintir atlet muda sekarang hanya mementingkan ganjaran wang daripada semangat kesukanan dan ianya sedikit sebanyak melemahkan prestasi atlet negara itu sendiri.

"Saya tidak menentang orang yang minta wang untuk melakukan sesuatu tetapi kalau dibayar sepatutnya prestasinya baik. Sekarang atlet dibayar, tetapi prestasi mereka agak rendah.

"Itu bagi saya tak adil kerana pihak yang membayar itu mengharapkan pulangan dalam bentuk prestasi yang memuaskan, contohnya membeli tiket untuk menonton perlawanan bola sepak dan penonton dapati perlawanan tidak memuaskan, mereka akan rasa tertipu," kata Khoo.

Khoo berkata peranan untuk memajukan sukan bukan hanya terletak di bahu atlet atau persatuan sukan malah ia melibatkan keseluruhan masyarakat secara amnya.

"Sekiranya masyarakat memberi sokongan dalam sukan dan menganggap ahli sukan sebagai orang yang penting dalam komuniti mereka, mungkin lebih ramai yang membabitkan diri dalam sukan, tetapi jika keadaan yang berlaku adalah sebaliknya ini akan membuatkan mereka (atlet) putus asa," katanya.

Beliau berkata adalah tidak mustahil bagi negara mencapai status sebagai negara sukan pada masa akan datang jika terus menerapkan budaya sukan dalam masyarakat.

"Dengan mengembalikan kegemilangan sukan era 50an, 60an sehingga sekarang tidak mustahil negara akan menjadi sebuah 'sporting nation'," katanya.

Khoo yang mula melibatkan diri dalam sukan bola sepak dari tahun 1954 sehingga 1971, pernah menjadi penjaga masa rasmi pada tahun 1965 di temasya Sukan SEAP yang kini dikenali sebagai Sukan SEA.

Beliau yang mula menulis berita dan rencana sukan pada tahun 1978, merupakan pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, dan pernah menjadi ahli panel dalam pemilihan anugerah olahragawan dan olahragawati kebangsaan.

-- BERNAMA

NBB KHY DC PR